



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 2 MAC 2019 SEHINGGA 8 MAC 2019



HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 2 MAC SEHINGGA 8 MAC 2019

 RON97	 RON95	 DIESEL
 5 sen	 0 sen	 0 sen
RM2.43 /seliter RM2.38	RM2.08 /seliter	RM2.18 /seliter

HARGA RUNCIT PRODUK PETROL **RON95** BAGI TEMPOH DI ATAS ADALAH **DIKEKALKAN** PADA PARAS **RM2.08** SELITER BERIKUTAN KEPUTUSAN MESYUARAT JEMAAH MENTERI PADA 27 FEBRUARI 2019

Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 2 Mac 2019 sehingga 8 Mac 2019 adalah ditetapkan seperti berikut:

1. harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 5 sen seliter iaitu daripada RM2.38 seliter kepada RM2.43 seliter;
2. harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.08 seliter; dan
3. harga runcit diesel kekal pada paras RM2.18 seliter.

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Februari 2019, had pengekelan paras harga runcit bagi produk petrol RON95 telah dikurangkan daripada RM2.20 seliter kepada RM2.08 seliter. Pengurangan paras harga runcit bagi produk petrol RON95 ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh 2 Mac 2019 sehingga 8 Mac 2019 sepatutnya adalah sebanyak RM2.13 seliter dan RM2.38 seliter masing-masing. Namun begitu, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh di atas adalah dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter.

Sayangi Malaysiaku!

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
1 Mac 2019

Like Be the first of your friends to like this.

.....